



Pindaan Akta DBP Memastikan Bahasa Terus Diperkuat

SARANAN kerajaan untuk meminda Akta Dewan Bahasa (DBP) 1959 sebagai hasrat untuk memartabatkan bahasa Melayu sekali gus menjadikannya bahasa ilmu, tidak seharusnya dipandang ringan oleh masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Melalui pindaan ini DBP memperoleh kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pelanggaran bahasa Melayu di semua peringkat sama ada pada peringkat daerah, negeri dan persekutuan.

Orang ramai sebenarnya masih mengambil sikap tunggu dan lihat sejauh manakah pindaan Akta DBP ini mampu mengubah persepsi terhadap keupayaan bahasa ini menjadi bahasa yang dihormati dan diangkat martabatnya sebagai bahasa yang bermaruah.

Berkaitan dengan penguatkuasaan bahasa, orang ramai sebenarnya masih lagi samar-samar terhadap bentuk hukuman bagi mereka yang melanggar kesalahan bahasa. Adakah mereka peka terhadap perkembangan yang berlaku sekiranya draf pindaan Akta DBP ini sudah dimuktamadkan? Sejauh manakah kesediaan mereka menerima sebarang tindakan undang-undang berkaitan dengan pelanggaran kesalahan bahasa?

Namun demikian, draf pindaan Akta DBP 1959 bukan hanya soal penguatkuasaan, khasnya aspek hukuman, tetapi cadangan pindaan ini lebih bersifat menyeluruh. Akta DBP 1959 berkaitan dengan penaikan taraf DBP sebagai jabatan kerajaan kepada badan berkanun. Maka itu, akta itu hanya memperuntukkan aspek prasarana atau struktur DBP. Aspek pindaan yang dicadangkan penting untuk pengisian fungsi DBP walaupun selama ini DBP telah melaksanakan enam objektif tersebut. Empat objektif pertama berkaitan dengan peranan bahasa, sastera dan penerbitan telah dilaksanakan, sementara dua objektif tambahan fungsi DBP diperkenalkan pada tahun 1995.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan bahawa jika draf cadangan pindaan Akta DBP diluluskan, DBP mempunyai wibawa dan wewenang yang lebih jelas dalam pemenuhan fungsinya sebagai badan berkuasa bahasa yang utama di negara ini, khasnya yang berkaitan dengan wibawa dan wewenang pengeluaran tauliah, penarafan pelesenan dan pelaksanaan aspek penguatkuasaan serta kegiatan pada peringkat antarabangsa.

DBP telah mengemukakan pindaan Akta DBP dalam tiga perkara utama. Yang pertama, pemberian kuasa penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, khasnya Perkara 152 (6) yang memperuntukkan penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam.

Yang kedua, peruntukan yang membolehkan DBP mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu pada peringkat antarabangsa yang berasaskan undang-undang sah walaupun DBP sejak tahun 1980-an telah melaksanakan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu pada peringkat dunia. Pindaan aspek pengantarabangsaan juga berkait rapat dengan kelulusan Jemaah Menteri menubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada tahun 1997, dengan DBP sebagai urus setianya.

Pindaan ketiga berkaitan dengan peruntukan yang membolehkan DBP menubuhkan perbadanan agar fungsi perniagaan DBP dapat digerakkan dengan lebih berkesan. Sebagai badan berkanun, DBP hanya menerima peruntukan emolumen daripada kerajaan dan perlu menandakan pendapatan untuk melaksanakan program perancangan bahasa, persuratan dan penerbitan. Dengan kelulusan pindaan itu, DBP dapat menyumbang kepada kerajaan dalam aspek kewangan negara.

Sebagai negara yang sudah mencapai kemerdekaan yang ke-65, seluruh warganegara daripada pelbagai bangsa perlu menyahut saranan kerajaan ini dan sama-sama mematuhi peruntukan yang disediakan demi bahasa Melayu yang tercinta. Bangsa Malaysia yang progresif perlu meyakini kemampuan bahasa ini yang mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bahasa-bahasa dunia yang lain.

Pindaan ini tidak sewajarnya ditakuti, sebaliknya diterima dengan hati terbuka dan sama-sama memupuk semangat kesetiaan dan perpaduan untuk terus menuturkan bahasa ini walaupun mereka bukan penutur jati. Jadilah orang yang berasa bangga berbahasa Melayu kerana di situlah lahirnya jati diri warganegara yang sebenar. **PB**

Juria Janib

